

**TALKING POINT**

**DATUK PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UniMAP**

**PERHIMPUNAN SOLIDARITI UniMAP #SAVEGAZA #JUSTICE4MH17**

**21 JULAI 2014**

**KOMPLEKS SUKAN UniMAP PAUH PUTRA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor**

**Yang Berbahagia Pegawai-pegawai Utama Universiti**

**Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan**

**Warga Kerja dan Warga Pelajar Universiti Malaysia Perlis**

**Wakil-wakil media**

**Seterusnya hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.**

**Assalamualaikum WBT dan Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan  
UniMAP**

- Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya kita dapat berhimpun pada petang ini dalam satu perhimpunan khusus yang penuh keberkatan untuk menyatakan sokongan padu terhadap perjuangan rakyat Palestin serta memperingati para penumpang dan krew penerbangan MH17 yang terkorban 17 Julai lalu. Al-Fatihah.

- Sesungguhnya perhimpunan kita petang ini adalah manifestasi keprihatinan seluruh warga UniMAP Malaysia terhadap tragedi menyayat hati yang menimpa rakyat Palestin dan MH17 serta cerminan keinginan untuk melihat bumi Palestin bebas daripada cengkaman rejim Zionis Israel. Dan pada masa sama, perhimpunan ini juga bertujuan menuntut keadilan dalam siasatan kes MH17 yang pada ketika ini masih meninggalkan seribu tanda tanya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Pendudukan haram rejim zionis Israel ke atas bumi Palestin telah mengundang kecaman daripada masyarakat antarabangsa. Selain melanggar melanggar norma-norma antarabangsa, kekejaman tentera rejim zionis Israel terhadap rakyat Palestin telah mengakibatkan tragedi kemanusiaan yang parah. Daripada peristiwa berdarah, serangan ke atas Gaza dan kini kepungan haram, ribuan nyawa wanita, kanak-kanak dan orang awam yang tidak berdosa telah terkorban.
- Mereka yang terselamat pula hidup dalam igauan kekejaman tentera rejim Zionis Israel selain terpaksa menanggung derita kehilangan orang yang tersayang. Bagi yang tercedera dan hilang upaya, mereka berhadapan dengan masa depan yang gelita. Justeru di Bulan Ramadhan yang mulia ni, marilah kita sama-sama menadah tangan memohon doa kepada Allah SWT agar kekejaman ini segera berakhir dan puak rejim Zionis Israel menerima balasan yang setimpal dari Allah.
- Perjuangan rakyat Palestin adalah perjuangan kita semua. Semangat juang rakyat Palestin sentiasa menyala di dada kita. Dan yang pasti, perjuangan ini menuntut umat Islam supaya bersatu hati dan berpadu suara memperjuangkan kebebasan bagi mereka yang tertindas. Tidak ada ruang bagi perbezaan politik atau fahaman mazhab untuk menghalang umat Islam daripada memperjuangkan pembebasan rakyat Palestin secara bersama. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian

- Dalam pada kita masih bersedih dengan kehilangan pesawat MH370, kita dikejutkan pula dengan tragedi yang menimpa pesawat Malaysian Airlines (MAS) Boeing 777-200, MH17 yang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur. Siapa sangka dalam sekelip mata pesawat yang membawa 295 penumpang dan krew penerbangan itu terhempas selepas dipercayai ditembak peluru berpandu Buk, iaitu peluru berpandu darat ke udara.
- Dan sehingga hari ini, misi bantuan dan menyelamatkan kita belum menampakkan sebarang hasil dengan berita terbaru diterima, puak pemisah membawa lari hampir 200 mayat yang dijumpai. Hal ini bukan sahaja menggusarkan hati waris-waris penumpang MH17, malah seluruh dunia turut merasainya kerana penumpang MH17 turut terdiri di kalangan warga negara-negara yang lain.
- Sesungguhnya kedua-dua tragedi yang berlaku ini merupakan bukti jelas betapa perlunya perpaduan di kalangan kita, hentikan segala sengketa, ketepikan segala fahaman politik. Sewajarnya kita bersatu dalam perjuangan menuntut keadilan dunia.
- Saya juga mengambil peluang dan kesempatan ini untuk menasihatkan warga UniMAP baik di kalangan staf mahupun pelajar agar tidak menjadi “keyboard warrior” dengan menyebarkan berita-berita yang tidak sah dan sahih di laman sosial masing-masing.
- Ingatlah, sesungguhnya kita bertanggungjawab sepenuhnya atas apa yang kita kongsi. Saya tidak mahu anak-anak didik saya serta warga kerja UniMAP menjadi penyebar “fitnah” seterusnya menimbulkan kekacauan dan persengketaan sesama kita yang akhirnya kelak memusnahkan negara kita sendiri.

- Akhir kata, saya berharap doa dan sokongan kita semua terhadap Palestin dalam mempertahankan tanah air mereka tidak terhenti di sini. Marilah sama-sama kita selami perasaan serta kesukaran yang terpaksa mereka lalui, selain tingkatkan aktiviti yang boleh menyumbang bantuan kepada saudara-saudara kita di sana.
- Selain itu, marilah kita panjatkan doa agar siasatan terhadap tragedi MH17 dijalankan dengan telus serta pihak yang bertanggungjawab dihadapkan ke muka pengadilan.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.